

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

SOALAN

YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan secara terperinci mengenai usaha Kementerian dalam memartabatkan kebudayaan, kesenian dan warisan negara dalam membangunkan industri pelancongan negara pasca COVID-19 serta apakah kekangan yang dihadapi dalam merealisasikan usaha ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa giat meneruskan usaha-usaha pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan khazanah warisan dengan mengambil kira amalan norma baharu berikutan penularan pandemik COVID-19. MOTAC bersama-sama Jabatan serta Agensi di bawahnya komited untuk terus memartabatkan kebudayaan, kesenian dan warisan negara walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kekangan.
2. Antara usaha yang dijalankan oleh MOTAC dan agensi-agensi seliaannya termasuklah:

NO. SOALAN : 181

- (i) penganjuran Festival Seni Hidup @ *Living Arts Cultural Festival* yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2018. Walaubagaimanapun, pelaksanaan program ini pada tahun ini terpaksa ditangguhkan susulan penularan wabak COVID-19. Festival ini dirancang untuk diteruskan pada tahun 2021 dan dijangka akan disertai oleh enam (6) buah negara dengan penglibatan 12 buah kumpulan;
- (ii) penganjuran Program Pelancongan Budaya (*Culture Based Tourism*) yang berbentuk penyemarakan seni budaya serta melibatkan pelbagai lapisan masyarakat seperti Pesta Angin Timur, Festival Kesenian Rakyat Kelate, Festival Permainan Malaysia, Festival Gendang Sarawak, Rhythms of Kinabalu, Festival Kota Selatan, Festival Seni Hidup; dan IFTAR @ KL. Program ini menyerlahkan pelbagai elemen seni budaya di samping membantu penjana ekonomi penduduk tempatan;
- (iii) memanfaatkan sepenuhnya penggunaan media sosial dalam usaha untuk terus memartabatkan kebudayaan, kesenian dan warisan negara dengan menyiarkan aktiviti kesenian dan kebudayaan secara dalam talian. Antara persembahan yang dilaksanakan oleh Istana Budaya adalah konsert 'Tanah Airku' yang dipentaskan sempena Hari Kemerdekaan yang lalu;
- (iv) membangunkan portal atas talian bagi tujuan jualan seni dan promosi seni serta *art services*;
- (v) membangunkan *Art Trail Map* iaitu menjejaki arca awam, mural dan grafitti yang menjadi tarikan di bandar Kuala Lumpur;
- (vi) menyediakan Ruang Kreatif (*Creative Space Hybrid*) dalam pemasaran seni visual yang lebih mesra;
- (vii) program *upskilling* dan *reskilling* yang menggabungkan pelukis terkenal, tokoh fesyen, *business coach* dengan penggiat seni

visual bagi berkongsi pengalaman penghasilan karya dan strategi pemasaran dengan pendekatan norma baharu. Ini termasuk pembangunan *content creations* seni jalanan, mural, grafiti (*street art*), *street wear* dan gaya hidup (*lifestyle*) terutama untuk keusahawanan golongan muda;

- (viii) membangunkan *Malaysia Craft Digital Hub (MCDH)* yang berbentuk *knowledge management* dalam aspek pendigitalan dengan menyediakan kemudahan capaian data dan maklumat terkini (*real time*) berkaitan industri kraf negara;
- (ix) menyediakan platform *e-marketplace* untuk menawarkan kepelbagaian produk yang terdapat dalam rantai industri kraf termasuk produk, bahan mentah, rekaan produk, perkhidmatan selepas pembelian dan maklumat berkaitan usahawan; dan
- (x) terus mempromosi serta memberi peluang kepada penggiat seni dan warisan untuk terus berkarya seperti program Sayembara Dendangan Syair, Pertandingan Fotografi Busana Tradisi, Pertandingan Persembahan Alat Muzik Tradisional Secara Solo dan Pertandingan Penulisan Artikel.

3. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh sektor kebudayaan, kesenian dan warisan negara pada ketika pihak Kerajaan kini dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19 adalah larangan penganjuran acara yang melibatkan orang ramai berhimpun dan pergerakan orang awam yang terhad semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang menyukarkan transaksi jual beli produk kraf secara fizikal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dengan terperinci jumlah permohonan yang diterima dan jumlah permohonan yang diluluskan berdasarkan setiap sektor bagi permohonan Program Pengekalan Pekerjaan ataupun Employment Retention Program (ERP) serta apakah penambahbaikan yang akan dilaksanakan terhadap program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 18 Mac 2020 yang lalu Kerajaan telah memperkenalkan Program Pengekalan Pekerjaan atau *Employment Retention Programme* (ERP). Program ini menyediakan bantuan kewangan segera (*immediate financial assistance*) sebanyak RM600 pada kadar rata dan bertujuan untuk membantu pekerja yang telah diberi notis cuti tanpa gaji (CTG) agar dapat menampung keperluan harian mereka untuk sementara waktu.
2. Sehingga kini, PERKESO telah mencatatkan permohonan ERP daripada 37,901 majikan yang melibatkan seramai 340,252 pekerja. Pecahan permohonan ERP berdasarkan sektor adalah seperti berikut:

BIL.	SEKTOR	LULUS	TOLAK	JUMLAH
1	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	264	124	388
2	Perlombongan dan Pengkuarian	108	22	130
3	Pembuatan	2287	1499	3786
4	Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	468	222	690
5	Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	101	64	165
6	Pembinaan	2193	1217	3410
7	Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	2806	1535	4341
8	Pengangkutan dan penyimpanan	1356	601	1957
9	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	3084	1043	4127
10	Maklumat dan komunikasi	379	171	550
11	Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	179	122	301
12	Aktiviti hartanah	140	41	181
13	Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	791	553	1344
14	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	198	142	340
15	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti sosial wajib	154	418	572
16	Pendidikan	1652	391	2043
17	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	331	163	494
18	Kesenian, hiburan dan rekreasi	474	135	609
19	Aktiviti perkhidmatan lain	7268	3133	10401
20	Aktiviti isi rumah sebagai majikan; Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan	135	81	216
21	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	22	15	37
22	Dalam semakan	412	1407	1819
JUMLAH KESELURUHAN		24,802	13,099	37,901

3. Permohonan ERP yang diluluskan adalah sebanyak 24,802 majikan yang melibatkan 252,245 orang pekerja. Manakala selebihnya adalah sebanyak 13,099 permohonan melibatkan 88,007 orang pekerja ditolak. Antara kes-kes ditolak disebabkan **bukan terlibat dalam notis cuti tanpa gaji (CTG), notis cuti tanpa gaji tidak dalam tempoh sekurang-kurangnya 30 hari, terlibat dalam Perintah Kawalan Pergerakan (bukan CTG) dan tidak berdaftar dengan PERKESO.** Pelaksanaan ERP telah berakhir pada 15 Jun 2020.

4. Dalam usaha untuk membantu majikan yang terkesan akibat COVID-19, Kerajaan telah mengambil inisiatif penambahbaikan supaya dapat membantu majikan meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan bagi semua sector perusahaan. Kerajaan juga telah melaksanakan Program Subsidi Upah (PSU) dengan kadar RM600 sebulan untuk tempoh 3 bulan mulai April 2020 di bawah Pakej PRIHATIN.

5. Seterusnya, setelah mengambil kira pandangan pelbagai pihak, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menambah baik PSU di bawah Pakej PRIHATIN PKS Tambahan iaitu berdasarkan saiz perusahaan dengan kadar antara RM600 hingga RM1,200 sebulan. Pada 5 Jun 2020, PSU telah dilanjutkan lagi untuk tempoh 3 bulan mulai Julai 2020 dan berakhir pada bulan September 2020.

6. Sehingga 20 November 2020, PSU telah menerima sebanyak 331,950 permohonan daripada majikan yang meliputi 2.72 juta orang pekerja. Jumlah keseluruhan bayaran bagi PSU adalah sejumlah RM12.29 bilion. Pecahan permohonan PSU berdasarkan sektor adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 182

BIL.	SEKTOR	MAJIKAN	PEKERJA
1	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	10301	79834
2	Perlombongan dan Pengkuarian	1290	13585
3	Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	59361	431023
4	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti sosial wajib	318	8964
5	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	21950	200221
6	Pengangkutan dan penyimpanan	13045	130839
7	Pendidikan	12191	107925
8	Pembuatan	28918	455704
9	Pembinaan	29651	203011
10	Maklumat dan komunikasi	6792	46888
11	Kesenian, hiburan dan rekreasi	4051	31262
12	Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	6100	39142
13	Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	1651	14909
14	Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	18563	105673
15	Aktiviti perkhidmatan lain	95303	712745
16	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	3032	24522
17	Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	6283	29025
18	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	6551	47899
19	Aktiviti isi rumah sebagai majikan; Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan	1890	12282
20	Aktiviti hartanah	4167	26232
21	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	475	2953
22	Dalam Semakan	67	523
JUMLAH KESELURUHAN		331,950	2,725,161

7. Seterusnya, pada 23 September 2020, Kerajaan sekali lagi telah mengumumkan satu lagi pakej rangsangan yang dikenali sebagai Pakej KITA PRIHATIN yang membawa kepada pelaksanaan Program Subsidi Upah 2.0 (PSU 2.0) yang melibatkan dana berjumlah RM2.4 bilion. PSU 2.0 ini dilanjutkan untuk 3 bulan lagi mulai Oktober sehingga Disember tahun ini.

SOALAN NO : 182

8. Bagi PSU 2.0, PERKESO telah menerima sebanyak 73,795 permohonan daripada majikan yang meliputi 740,279 orang pekerja. Jumlah keluruhan bayaran bagi PSU 2.0 pula adalah sejumlah RM164.26 juta. Pecahan permohonan PSU 2.0 berdasarkan sektor pula adalah seperti berikut:

BIL.	SEKTOR	MAJIKAN	PEKERJA
1	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1442	13558
2	Perlombongan dan Pengkuarian	257	3150
3	Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	9748	85745
4	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti sosial wajib	62	2283
5	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	6517	86693
6	Pengangkutan dan penyimpanan	2651	35099
7	Pendidikan	4060	38581
8	Pembuatan	6551	114200
9	Pembinaan	6811	54016
10	Maklumat dan komunikasi	1663	14318
11	Kesenian, hiburan dan rekreasi	1398	13397
12	Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	1276	10047
13	Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	344	4160
14	Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	4106	27404
15	Aktiviti perkhidmatan lain	22536	203129
16	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	698	6388
17	Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	1102	6979
18	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	1168	10457
19	Aktiviti isi rumah sebagai majikan; Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan	363	2274
20	Aktiviti hartanah	922	7426
21	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	105	859
22	Dalam semakan	15	116
JUMLAH KESELURUHAN		73795	740279

Sekian, terima kasih.